

Akar dijangka bubar

BH 20 MAY 2004
KOTA KINABALU: Parti Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu (Akar), parti komponen Barisan Nasional (BN) dijangka dibubarkan pada perhimpunan khas parti itu, yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir di sini, esok.

Berita Harian difahamkan keputusan membubarkan Akar diambil Presidennya, Datuk Pandikar Amin Mulia, selepas mendapat persetujuan sebulat suara dalam mesyuarat tergepar parti di Hotel Tang Dynasty di sini, semalam.

Difahamkan, Pandikar Amin bersama pucuk pimpinan akan menyerahkan borang keahlian menyertai Umno kepada Dr Mahathir selepas majlis pembubaran parti di Hotel Magellan Sutera Harbour, pagi esok.

Seorang pemimpin Akar yang enggan namanya disiarkan berkata, mesyuarat tergepar yang dihadiri lebih 400 ahli parti dari selu-

ruh Sabah sebulat suara menyokong keputusan ahli Majlis Tertinggi Akar membubarkan parti.

"Ahli parti diberi kebebasan menyertai mana-mana parti komponen BN di Sabah. Bagaimanapun ramai pemimpin tertinggi termasuk Pandikar Amin akan menyerahkan borang keahlian Umno kepada Perdana Menteri selepas beliau menyampaikan ucapan perasmian pada Kongres Akar ke-10, esok," katanya.

Ahli parti daripada kalangan Bumiputera Islam akan menyertai Umno manakala Bumiputera bukan Islam akan menyertai Pertubuhan Pasuk Momogun Kadazandusun Bersatu (Upko) dan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs).

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Terminal Dua Lapangan Terbang Kota Kinabalu bagi menyambut ketibaan Dr Mahathir untuk lawatan dua hari ke Sabah petang semalam.